

11/09/2003

Tolak matematik, sains dalam bahasa Inggeris

Dewan Pemuda Pas Pusat masih tidak mahu menerima alasan kerajaan untuk melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran Sains dan Matematik di sekolah dengan mengatakan langkah itu hanya untuk 'mentalkinkan' Bahasa Melayu.

Walaupun langkah yang bermula sembilan bulan lalu itu sudah membuktikan peningkatan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar termasuk sekolah sendah kebangsaan dan sekolah kebangsaan, Pemuda Pas berkata, Bahasa Melayu kini menunggu giliran untuk ditalkinkan selepas tulisan jawi dihapuskan.

Ketuanya, Mahfuz Omar, berkata Pas kini menunggu apakah manifesto yang akan digagaskan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi mengurus apa yang disifatkan beliau sebagai kegagalan yang diwarisi daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tetap yakin Pak Lah yang berjanji untuk mengekalkan dasar Dr Mahathir akan meneruskan agenda 'lemah, zalim dan berat sebelah' Dr Mahathir kerana Pak Lah sendiri adalah pendukung dan pelaksana dasar-dasar BN yang menindas sebelum ini," katanya dalam ucapan tema pada Mukhtamar Tahunan Dewan Pemuda Pas Pusat Kali ke-44, di sini malam tadi.

Mahfuz turut mempersoalkan mengapa Umno/BN tidak bertindak terhadap ahli politik yang campur tangan dalam pentadbiran sehingga memaksa kakitangan awam melakukan penyelewengan.

Mengenai persiapan menjelang pilihan raya, Mahfuz menyeru semua parti pembangkang di negara ini supaya dapat bekerjasama bagi memastikan pendekatan satu lawan satu dengan calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Pada masa sama, katanya, ahli-ahli di peringkat akar umbi perlu memperkukuhkan kerjasama dengan rakan-rakan daripada Barisan Alternatif (BA).